

Faktor Tekanan Di Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) Bagi Matematik Kejuruteraan 2

Rusnani Ali*¹, Siti Alizah Asmuni², Wan Nor Faezah Wan Mustaffa³,
^{1,2,3}Pensyarah, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
e-mail: *rusnani1@polisas.edu.my, sitializah@polisas.edu.my,
wannorfaezah@psis.edu.my,

Abstrak

Tekanan atau stress satu gejala yang sinonim dengan insan di muka bumi ini. Oleh itu sebagai pelajar, mereka ini tidak terlepas daripada menghadapi tekanan dalam kehidupan mereka. Faktor tekanan yang mereka hadapi ini sama ada masalah peribadi, pembelajaran dan sebagainya. Justeru itu, kajian ini adalah untuk mengkaji faktor tekanan di kalangan pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan perbezaan faktor tekanan terhadap jantina. Sampel kajian terdiri daripada 256 orang pelajar semester 2 dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrik. Satu set soal selidik telah dibentuk dan digunakan sebagai instrumen kajian. Untuk menganalisis data, penyelidik telah menggunakan statistik deskriptif bagi mendapatkan nilai skor min dan peratus menggunakan Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) Versi 27.0. Ujian-t tidak bersandar digunakan bagi menjawab objektif kajian. Faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas mempunyai purata skor min yang tinggi ($M=2.80$). Tekanan terhadap pembelajaran dan masalah peribadi menyumbang purata skor min yang rendah ($M=2.47$) dan ($M=2.44$). Hasil kajian menunjukkan faktor tekanan yang dihadapi oleh pelajar adalah tahap rendah. Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor tekanan di kalangan pelajar POLISAS mengikut jantina. Justeru itu pelajar perlu bijak menyusun dan mengimbangi tugas-tugas dalam mendepani masalah tekanan.

Kata kunci— faktor, tekanan, pelajar, politeknik, matematik kejuruteraan

Abstract

Stress is a symptom that is synonymous with people on this earth. Therefore as students, these people cannot escape from facing pressure in their lives. The stress factors they face are personal problems, learning and so on. Therefore, this study is to examine stress factors among students of Polytechnic Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) and differences in stress factors by gender. The study sample consisted of 256 semester 2 students from the Department of Civil, Mechanical and Electrical Engineering. A set of questionnaires was created and used as a research instrument. To analyze the data, the researcher has used descriptive statistics to obtain the mean score and percentage using Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) Version 27.0. An independent t-test was used to answer the objectives of the study. Student stress factors in facing quizzes, tests, final exams and assignments have a high average mean score ($M=2.80$). Stress on learning and personal problems contributed to the low average mean score ($M=2.47$) and ($M=2.44$). The results of the study show that the stress factor faced by students is low. However, there is no significant difference in stress factors among POLISAS students according to gender. Therefore, students need to be wise in organizing and balancing tasks in the face of stress.

Keywords— factors, stress, students, polytechnics, engineering mathematics

PENDAHULUAN

Kamus Dewan Edisi Keempat, tekanan atau stress dijelaskan sebagai keadaan resah, cemas dan tegang yang disebabkan oleh tekanan mental atau fizikal (“Stres”, 2005). Pelajar institusi pengajian tinggi tergolong dalam kategori remaja yang meningkat dewasa di mana golongan ini dilabel sebagai kelompok yang penuh dengan tekanan, Hall (1904) menjelaskan golongan ini berada di fasa ‘*storm and stress*’. Ini disebabkan berlakunya perubahan yang besar dari segi fizikal, emosi dan psikologikal yang memberi impak kepada diri mereka. Negara pernah dikejutkan dengan berita kes bunuh diri pelajar cemerlang akibat tekanan dengan lambakan kerja sekolah. Menteri Pendidikan pada ketika itu, Dr Maszlee Malik, berkata ia tidak wajar berlaku kerana sekolah sepatutnya menjadi tempat pelajar berasa gembira untuk belajar. “Kita mahu pelajar gembira untuk menambah ilmu, penuh dengan konsep kasih sayang dan saling menghormati tetapi apabila berlakunya tekanan kerana cikgu memberi beban yang banyak, ia tidak patut begitu. (Muhammad, 2019)

Pelajar POLISAS turut menghadapi masalah dan tekanan yang sama. Terbeban dengan timbunan tugas pelbagai kursus yang diambil pada satu semester, pembentangan projek, kerja kursus, ujian dan kuiz yang perlu diberi penekanan untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Tekanan faktor luaran tidak diambil kira seperti kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti harian, konflik antara rakan sepergaulan, konflik antara pensyarah dan pelajar dan lain-lain lagi. Proses adaptasi kepada transisi perubahan dalam sistem pembelajaran dan pengajaran yang berbeza dengan alam persekolahan, perubahan gaya hidup dan juga persekitaran sosial boleh menyebabkan ada antara pelajar tidak dapat menguruskan tekanan mereka sendiri.

PERNYATAAN MASALAH

Kebelakangan ini masalah tekanan di kalangan pelajar POLISAS amat membimbangkan. Pelajar berhadapan dengan dengan fasa perubahan daripada pembelajaran atas talian kepada pembelajaran secara fizikal. Kebanyakan mereka ini tidak memahami penyampaian yang disampaikan oleh pensyarah. Menurut Anuar Ahmad (1997), faktor yang menyumbang kepada prestasi pencapaian pelajar adalah kaedah pengajaran yang disampaikan oleh guru di bilik darjah. Penyampaian yang membosankan, tidak menyeronokkan dan sehalu sahaja telah mengurangkan tahap motivasi pelajar untuk belajar. Kesan daripada tahap motivasi yang rendah ini menjurus kepada tekanan di kalangan pelajar.

Pelajar terbeban dengan timbunan tugas pelbagai kursus yang diambil pada satu semester, pembentangan projek, kerja kursus, ujian dan kuiz telah mengundang tekanan atau stres di kalangan pelajar POLISAS. Punca utama yang menyumbang kepada tekanan yang tertinggi adalah perlu menyiapkan projek dan tugas yang terlalu banyak dalam satu-satu masa (Shafizah, 2003).

Bilik kuliah yang tidak tersusun dengan kemas juga boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di kelas. Infrastruktur yang usang seperti kerusi, meja dan papan putih yang sukar untuk menulis telah mengganggu tekanan emosi pelajar untuk belajar dengan baik. Selain itu pelajar juga mempunyai masalah peribadi yang menjadikan ke tahap tekanan yang tinggi seperti masalah kewangan, masalah pergaulan dengan rakan sebilik dan serumah dan sebagainya. Kenyataan ini disokong oleh Siti Azura (1998), punca utama tekanan kepada pelajar adalah masalah peribadi.

Proses adaptasi kepada transisi perubahan dalam sistem pembelajaran dan pengajaran yang berbeza dengan alam persekolahan, perubahan gaya hidup dan juga persekitaran sosial boleh menyebabkan ada antara pelajar tidak dapat menguruskan stres mereka sendiri. Meninjau permasalahan ini, maka penyelidik ingin mengkaji faktor tekanan di kalangan pelajar POLISAS bagi kursus Matematik Kejuruteraan 2.

OBJEK KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut:

- a. Mengenalpasti faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas di kalangan pelajar POLISAS bagi Matematik Kejuruteraan 2.
- b. Mengenalpasti faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas di kalangan pelajar POLISAS bagi Matematik Kejuruteraan 2.
- c. Mengenalpasti faktor tekanan pelajar dalam menghadapi masalah peribadi di kalangan pelajar POLISAS bagi Matematik Kejuruteraan 2.
- d. Mengenalpasti samada terdapat perbezaan faktor tekanan di kalangan pelajar POLISAS Matematik Kejuruteraan 2 mengikut jantina.

PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai objektif kajian, pengkaji akan mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kajian berikut:

- a. Apakah faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas di kalangan pelajar POLISAS bagi Matematik Kejuruteraan 2.
- b. Apakah faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas di kalangan pelajar POLISAS bagi Matematik Kejuruteraan 2.
- c. Apakah faktor tekanan pelajar dalam menghadapi masalah peribadi di kalangan pelajar POLISAS bagi Matematik Kejuruteraan 2.
- d. Apakah terdapat perbezaan faktor tekanan di kalangan pelajar POLISAS Matematik Kejuruteraan 2 mengikut jantina.

TINJAUAN LITERATUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (2011), menggariskan tekanan atau stress adalah sebagai desakan atau tekanan yang dihadapi oleh individu berikutan peristiwa yang berlaku pada mereka. Apa jua keadaan atau situasi yang mengancam atau dianggap mengganggu keadaan diri seseorang, tekanan seseorang individu memerlukan keupayaan dan cara untuk menghadapinya.

Izzat Hazmir (2017) menyatakan, melalui kajian Dr. Hans Selye, pengasas kepada teori stress atau tekanan perasaan telah mendefinisikannya sebagai “suatu reaksi yang tidak spesifik oleh diri seseorang disebabkan oleh sesuatu bebanan yang menyimpannya. ‘Bebanan’ ini boleh wujud di dalam bentuk ancaman, cabaran ataupun apa-apa perubahan di dalam hidup seseorang yang memerlukan pengubahsuaian yang selari dengannya. Ada tekanan perasaan yang baik (positif) dan ianya dinamakan sebagai ‘*eustress*’ manakala yang yang buruk (negatif) pula dinamakan sebagai ‘*distress*’.

Tekanan dapat dirasai dalam semua peringkat usia termasuk kanak-kanak, remaja mahupun dewasa. Namun, golongan dewasa dikenali lebih ketara menghadapi masalah ini berbanding golongan lain. Bagaimanapun ianya bergantung kepada individu itu sendiri dalam menghadapi dan mengatasi tekanan yang dialaminya. Interaksi di antara individu yang menghadapi tekanan dengan punca tekanan adalah penting dalam proses penyesuaian diri.

Tekanan merupakan tindak balas fizikal, emosi dan mental yang dialami oleh seseorang apabila tuntutan tidak dapat dipenuhi. Tekanan boleh juga dialami bila berdepan dengan rangsangan yang tidak menyenangkan seperti bau yang busuk, bunyi yang kuat dan kata-kata yang kesat. Sesiapa sahaja sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas boleh mengalami stres. Umumnya tahap stres yang dihadapi oleh seseorang berbeza-beza mengikut beban tekanan yang dihadapi. Tekanan yang sedikit atau sederhana adalah baik dan boleh menjadi faktor pendorong atau motivasi kepada individu untuk meningkatkan produktiviti. Walau bagaimanapun, tekanan yang berlebihan, untuk jangka masa panjang dan tidak dapat ditangani akan menyebabkan kesan negatif, dan memudaratkan kesihatan serta meningkatkan

risiko terhadap penyakit. Kementerian Kesihatan Malaysia (2011) menyatakan statistik 2002 menunjukkan 60% rakyat Malaysia menghadapi tekanan. Data ini di sokong dengan sebanyak 85.5 peratus daripada 145,173 panggilan diterima oleh Talian Bantuan Sokongan Psikososial sejak 25 Mac 2020 hingga 20 Mei 2021 adalah membabitkan isu kesihatan mental yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling seperti stres akut, keresahan, kemurungan, penderaan dan tingkah laku bunuh diri Data ini menunjukkan situasi yang membimbangkan di kalangan masyarakat kini (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Menurut Mahfar et.al (2007) faktor akademik juga merupakan penyumbang tekanan yang kedua tertinggi dalam kajian tersebut diikuti dengan faktor persekitaran seperti bilik kuliah yang sempit dan tidak selesa. Manakala kajian yang dijalankan oleh Mustafa et al. (2009) dalam mengenalpasti punca dan tahap tekanan di kalangan pelajar wanita tahun akhir Universiti Teknologi Tun Hussien Onn menunjukkan faktor akademik seperti jadual peperiksaan yang padat dan terlalu banyak topik yang perlu diulangkaji untuk kuiz, ujian dan peperiksaan akhir memberikan skor min yang tertinggi untuk punca tekanan berbanding punca peribadi seperti masalah menguruskan masa, kesihatan terganggu dan persekitaran pembelajaran seperti pencemaran bunyi yang keseluruhannya berada pada tahap tekanan sederhana. Kajian yang melibatkan 245 responden itu juga secara keseluruhannya memilih mendekati diri dengan Tuhan adalah cara yang terbaik dalam menangani tekanan.

Hasil kajian Noraida et.al (2018) keatas 194 pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Awam, UiTM Kampus Jengka mendapati punca tekanan dari aspek akademik yang dikemukakan, pelajar lelaki dan perempuan bersetuju bahawa masa untuk membuat laporan makmal yang terhad, soalan ujian berbentuk aplikasi kejuruteraan dan banyak topik yang perlu diulangkaji merupakan punca utama tekanan mereka di mana skor min berada pada tahap tinggi. Selain itu, faktor sering mengulangkaji pada saat akhir juga mencatatkan skor min yang tinggi bagi pelajar lelaki dan perempuan iaitu 4.08 dan 4.05. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan sikap pelajar itu sendiri yang suka mengamalkan sikap bertanggung dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Ekoran daripada masalah tekanan sememangnya mempengaruhi keseluruhan pencapaian akademik pelajar. Ini dibuktikan dengan hasil kajian Hamsan et al (2010) dalam kajiannya terhadap 78 orang pelajar lelaki dan 141 orang pelajar perempuan untuk mengenalpasti hubungan di antara tahap tekanan dan pencapaian akademik pelajar jurusan Pembangunan Manusia, Fakulti Ekologi, Universiti Putra Malaysia. Hasil analisa kajian tersebut mendapati tahap tekanan mempunyai hubungan kolerasi negatif dengan pencapaian akademik iaitu, pelajar yang mempunyai tahap tekanan yang rendah adalah pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik dan sebaliknya. Dapatan kajian Edi Shahril (2005) tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas dan tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas berada dalam jenis tekanan tinggi. Pernyataan ini turut di sokong oleh shafizah (2003) bahawa pelajar kejuruteraan mempunyai masalah beban tugas yang banyak semasa berada di kampus.

Kesemua kajian lepas yang dirujuk di dalam artikel ini menyatakan bahawa secara keseluruhan, tekanan yang dialami oleh pelajar institusi pengajian tinggi adalah pada tahap sederhana. Walaupun demikian, perhatian tetap perlu diberikan untuk membantu pelajar menangani masalah tersebut. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti punca dan tahap tekanan pelajar bagi kursus Matematik Kejuruteraan 2 di POLISAS.

METODE PENELITIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik merangkumi 4 bahagian iaitu profil demografi responden, faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas, faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas dan faktor tekanan pelajar dalam menghadapi masalah peribadi. Soalan yang dikemukakan menggunakan jenis skala likert 5 tahap. Menurut Mohamad

Najid (1999), skala likert mempunyai pilihan seperti berikut, 5 sangat setuju (ST), 4 setuju (S), 3 kurang setuju (KS), 2 tidak setuju (TS) dan 1 sangat tidak setuju (STS). Sampel kajian terdiri daripada 256 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Awam di POLISAS yang dipilih secara rawak. Jumlah sampel yang diperoleh dalam kajian ini adalah bertepatan dengan saiz penentuan sampel kajian merujuk kepada jadual Krejcie & Morgan (1970).

Instrumen soal selidik yang bersesuaian telah diadaptasi dan diubahsuai berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Edi Shahril Kamal (2005) bagi mendapatkan maklumbalas tahap tekanan di kalangan pelajar. Kajian rintis telah dilaksanakan dengan melibatkan 10 orang responden semester 3, Jabatan Kejuruteraan Awam di POLISAS. Hasil daripada ujian rintis telah menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* iaitu 0.931. Menurut Mohd. Majid (2005), nilai kebolehpercayaan antara 0.6 hingga 0.8 boleh diterima untuk instrument soal selidik yang digunakan.

Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif bagi menentukan tahap min dan peratusan bagi mendapatkan ukuran jenis tekanan yang dialami secara keseluruhan dan min setiap kategori tekanan yang tertinggi diperolehi menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS) versi 27. Ukuran jenis tekanan ditentukan melalui interpretasi ukuran jenis tekanan oleh Jamian dalam Ahmad Madzam Ayob (1997) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Data ini juga di analisis menggunakan ujian-t sampel bebas bagi menentukan perbezaan tahap tekanan mengikut jantina iaitu lelaki dan perempuan.

Jadual 2: Interpretasi Ukuran Jenis Tekanan

| Min Skor | Jenis Tekanan |
|-------------|----------------|
| 1 | Tiada Tekanan |
| 1.10 - 2.49 | Tekanan Rendah |
| 2.50 - 4.00 | Tekanan Tinggi |

Sumber: Adaptasi daripada Jamian dalam Ahmad Mahdzam Ayob (1997)

HASIL DAN PEMBAHASAN

Analisa data telah dilakukan terhadap 20 item yang merangkumi bahagian A iaitu demografi responden, bahagian B iaitu faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas, bahagian C iaitu faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas dan bahagian D iaitu faktor tekanan pelajar dalam menghadapi masalah peribadi.

Bahagian A : Demografi Responden

Bahagian ini memperihalkan beberapa keputusan deskriptif mengenai demografi responden antaranya jantina dan program pengajian responden. Seramai 256 responden telah memberi maklum balas borang soal selidik yang diedarkan. Daripada jumlah tersebut 177 orang iaitu 69.1% adalah responden lelaki dan 79 orang iaitu 30.9% adalah responden perempuan. Jadual 3 menunjukkan demografi responden.

Jadual 3: Demografi Responden

| Kategori | N=256 | Peratusan (%) |
|-------------------------------------------------|-------|---------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 177 | 69.1 |
| Perempuan | 79 | 30.9 |
| Bangsa | | |
| Melayu | 248 | 96.9 |
| Cina | 1 | 0.4 |
| India | 7 | 2.7 |
| Jabatan | | |
| JKA | 100 | 39.1 |
| JKE | 105 | 41.0 |
| JKM | 51 | 19.9 |
| Pilihan Kursus Kejuruteraan berdasarkan: | | |
| Dorongan keluarga | 57 | 22.3 |
| Minat | 97 | 37.9 |
| Mudah mendapat pekerjaan | 70 | 27.3 |
| Tidak ada pilihan lain | 32 | 12.5 |

Didapati pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik merupakan responden paling ramai dengan 41.0% iaitu seramai 105 orang, diikuti dengan Jabatan Kejuruteraan Awam dengan 39.1% iaitu seramai 100 orang dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan 19.92% mewakili 51 orang responden. Responden yang terlibat adalah 100% terdiri daripada pelajar semester 2 kerana Kursus Matematik Kejuruteraan 2 hanya ditawarkan kepada pelajar semester 2 di Politeknik kecuali jika terdapat pelajar yang perlu mengulang semula (*carry subject*) kursus tersebut. Merujuk kepada pilihan kursus kejuruteraan, faktor minat merupakan pilihan yang utama sewaktu pemilihan kemasukan ke POLISAS dengan 37.9% iaitu seramai 97 orang, diikuti faktor mudah mendapatkan pekerjaan dengan 27.3% iaitu seramai 70 orang pelajar. Faktor dorongan keluarga adalah 22.3% iaitu 57 orang pelajar yang memilih kursus kejuruteraan di POLISAS dan seramai 32 orang iaitu 12.5% memilih tidak ada pilihan lain selain kursus kejuruteraan.

Bahagian B : Tekanan Pelajar Dalam Pembelajaran di Kelas

Analisis data bahagian B adalah mengenalpasti faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas bagi kursus Matematik Kejuruteraan 2 di POLISAS. Jadual 4 menunjukkan statistik deskriptif bagi 6 item yang diberi penekanan bagi faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas di kalangan pelajar. Hasil analisis ini dipaparkan dalam bentuk nilai peratus, bilangan responden dan skor min.

Berdasarkan jadual 4, skor min yang tertinggi adalah pada item B-1 (M=2.67) mewakili 14.8% (N=38) pelajar yang sangat tidak setuju bahawa keadaan dalam kelas yang tidak teratur. Item kedua yang menyumbang min tertinggi adalah perkara B-6 iaitu pelajar tidak memahami pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah dengan nilai min (M=2.61) dengan (N=46) orang responden iaitu (18.0%) sangat tidak setuju manakala 28.5% (N=73) pula tidak setuju dengan item tersebut. Berdasarkan kepada skor min yang telah diperolehi, item ini berada dalam jenis tekanan tinggi.

Item B-4 pula mendapat min yang terendah (M=2.19) mewakili 34.0% (N=87) yang sangat tidak setuju hubungan dengan pensyarah mengajar adalah kurang baik. Kebanyakan pelajar tidak bermasalah dalam hubungan dengan pensyarah yang mengajar. Berdasarkan skor min yang telah diperolehi, faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas dalam item ini berada pada tahap yang rendah. Data menunjukkan bahawa para pelajar amat selesa dan seronok menjalani pembelajaran di kelas bersama pensyarah Matematik Kejuruteraan 2. Purata nilai min faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas mempunyai skor (M= 2.46) berada pada jenis tekanan rendah.

Jadual 4: Tekanan Pelajar Dalam Pembelajaran di Kelas

| BIL | ITEM | SKALA | | | | | MIN (M) | |
|--------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|-------|------|------|------|------|---------|------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | | |
| B-1 | Keadaan dalam kelas yang tidak teratur | | 38 | 69 | 102 | 34 | 13 | 2.67 |
| | | (%) | 14.8 | 27.0 | 39.8 | 13.3 | 5.1 | |
| B-2 | Kaedah pengajaran pensyarah yang membosankan | | 58 | 97 | 60 | 32 | 9 | 2.39 |
| | | (%) | 22.7 | 37.9 | 23.4 | 12.5 | 3.5 | |
| B-3 | Penyampaian pensyarah dalam kelas kurang jelas | | 54 | 90 | 69 | 33 | 10 | 2.43 |
| | | (%) | 21.1 | 35.2 | 27.0 | 12.9 | 3.9 | |
| B-4 | Hubungan dengan pensyarah mengajar kurang baik | | 87 | 81 | 52 | 24 | 12 | 2.19 |
| | | (%) | 34.0 | 31.6 | 20.3 | 9.4 | 4.7 | |
| B-5 | Matapelajaran yang saya tidak digemari | | 64 | 64 | 78 | 31 | 19 | 2.52 |
| | | (%) | 25.0 | 25.0 | 30.5 | 12.1 | 7.4 | |
| B-6 | Tidak memahami pengajaran yang disampaikan oleh Pensyarah | | 46 | 73 | 82 | 44 | 11 | 2.61 |
| | | (%) | 18.0 | 28.5 | 32.0 | 17.2 | 4.3 | |
| Purata nilai min Tekanan Pelajar Dalam Pembelajaran Di Kelas | | | | | | | 2.46 | |

Bahagian C: Tekanan Pelajar Dalam Menghadapai Kuiz, Ujian, Peperiksaan Akhir dan Tugas

Jadual 5 menunjukkan statistik deskriptif bagi 7 item bagi faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas. Dapatan menunjukkan item C-2 merupakan skor min yang tinggi iaitu ($M=3.37$) dengan 37.9% ($N=97$) setuju dan 12.5% ($N=32$) sangat setuju dengan item mereka kurang berkeyakinan ketika menjawab soalan peperiksaan, kuiz dan ujian. Item C-3 iaitu kurang keyakinan ketika menjawab soalan peperiksaan, kuiz, ujian mempunyai skor kedua min tertinggi dengan ($M=3.05$). Skor min ketiga tertinggi adalah item mempunyai bebab tugas yang banyak dengan ($M=2.92$).

Jadual 5: Tekanan Pelajar Dalam Menghadapai Kuiz, Ujian, Peperiksaan Akhir dan Tugas

| BIL | ITEM | SKALA | | | | | MIN (M) | |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------|-------|------|------|------|------|---------|------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | | |
| C-1 | Tidak dapat menjawab peperiksaan, kuiz, ujian | | 32 | 66 | 88 | 59 | 11 | 2.81 |
| | | (%) | 12.5 | 25.8 | 34.4 | 23.0 | 4.3 | |
| C-2 | Kurang keyakinan ketika menjawab soalan peperiksaan, kuiz, ujian | | 11 | 44 | 72 | 97 | 32 | 3.37 |
| | | (%) | 4.3 | 17.2 | 28.1 | 37.9 | 12.5 | |
| C-3 | Tidak membuat persediaan yang cukup untuk menghadapi peperiksaan, kuiz, ujian | | 17 | 59 | 97 | 61 | 22 | 3.05 |
| | | (%) | 6.6 | 23.0 | 37.9 | 23.8 | 8.6 | |
| C-4 | Gagal menyiapkan tugas pada masa yang ditetapkan | | 43 | 76 | 111 | 20 | 6 | 2.49 |
| | | (%) | 16.8 | 29.7 | 43.4 | 7.8 | 2.3 | |
| C-5 | Beban tugas yang banyak | | 36 | 49 | 88 | 66 | 17 | 2.92 |
| | | (%) | 14.1 | 19.1 | 34.4 | 25.8 | 6.6 | |
| C-6 | Tidak mendapat bantuan dari pensyarah dalam menyelesaikan tugas | | 65 | 75 | 88 | 18 | 10 | 2.35 |
| | | (%) | 25.4 | 29.3 | 34.4 | 7.0 | 3.9 | |
| C-7 | Bahan rujukan berkaitan kurang di perpustakaan | | 46 | 65 | 102 | 28 | 15 | 2.61 |
| | | (%) | 18.0 | 25.4 | 39.8 | 10.9 | 5.9 | |

| | | |
|--|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|
| | Purata nilai min Tekanan Pelajar Dalam Menghadapi Kuiz, Ujian, Peperiksaan Akhir dan Tugasan | 2.80 |
|--|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|

Item C-6 iaitu tidak mendapat bantuan dari pensyarah dalam menyelesaikan tugas menunjukkan skor min yang paling rendah iaitu (M=2.35) dan kedua terendah adalah item C-4 iaitu gagal menyiapkan tugas pada masa yang ditetapkan. Didapati daripada skor min, menunjukkan lima daripada tujuh item berada pada jenis tekanan yang tinggi. Berdasarkan purata skor nilai min(M=2.80) yang diperolehi, faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas adalah jenis tekanan tinggi.

Bahagian D: Tekanan Pelajar Dalam Menghadapi Masalah Peribadi

Jadual 6 menunjukkan statistik deskriptif bagi faktor tekanan pelajar dalam menghadapi masalah peribadi. Terdapat 7 item yang telah disenaraikan dan boleh dirujuk pada jadual yang di bawah. Dapatan menunjukkan item D-5 mendapat skor min yang tertinggi iaitu (M=3.02) dengan 10.2% (N=26) sangat bersetuju dan 23.8% (N=61) pula bersetuju dengan kenyataan mereka menghadapi masalah menguruskan masa. Kenyataan yang mendapat skor min kedua tertinggi adalah item D-4 iaitu mereka menghadapi masalah kewangan, Item ini mewakili 13.7% (N=35) sangat bersetuju dan 16.0% (N=41) pula yang bersetuju. Berdasarkan kepada skor min yang telah diperolehi, item ini berada dalam jenis tekanan tinggi.

Manakala skor min terendah adalah pada item D-7 dengan skor (M=1.98) di mana mereka sangat tidak setuju tidak mempunyai kemudahan pembelajaran seperti komputer. Hanya 3.5% (N=9) yang sangat bersetuju tidak mempunyai kemudahan pembelajaran seperti komputer. Berdasarkan purata skor min (M=2.44), faktor tekanan pelajar dalam menghadapi masalah peribadi adalah dalam jenis tekanan rendah.

Jadual 6: Tekanan Pelajar Dalam Menghadapi Masalah Peribadi

| BIL | ITEM | SKALA | | | | | MIN (M) |
|-----------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|-------|------|------|------|------|---------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| D-1 | Mempunyai konflik dengan pensyarah | 111 | 65 | 57 | 16 | 7 | 2.00 |
| | (%) | 43.4 | 25.4 | 22.3 | 6.3 | 2.7 | |
| D-2 | Mempunyai konflik dengan rakan sebilik atau rumah. | 91 | 66 | 71 | 21 | 7 | 2.17 |
| | (%) | 35.5 | 25.8 | 27.7 | 8.2 | 2.7 | |
| D-3 | Keadaan persekitaran yang kurang selesa. | 48 | 74 | 77 | 46 | 11 | 2.60 |
| | (%) | 18.8 | 28.9 | 30.1 | 18.0 | 4.3 | |
| D-4 | Menghadapi masalah kewangan. | 50 | 53 | 77 | 41 | 35 | 2.84 |
| | (%) | 19.5 | 20.7 | 30.1 | 16.0 | 13.7 | |
| D-5 | Menghadapi masalah menguruskan masa. | 28 | 52 | 89 | 61 | 26 | 3.02 |
| | (%) | 10.9 | 20.3 | 34.8 | 23.8 | 10.2 | |
| D-6 | Masalah kesihatan diri. | 65 | 59 | 87 | 37 | 8 | 2.47 |
| | (%) | 25.4 | 23.0 | 34.0 | 14.5 | 3.1 | |
| D-7 | Tidak mempunyai kemudahan pembelajaran seperti komputer. | 110 | 67 | 61 | 9 | 9 | 1.98 |
| | (%) | 43.0 | 26.2 | 23.8 | 3.5 | 3.5 | |
| Purata nilai min Tekanan Pelajar Dalam Menghadapi Masalah Peribadi | | | | | | | 2.44 |

Perbezaan Faktor Tekanan Mengikut Jantina

Merujuk kepada Jadual 7, skor yang diperolehi daripada analisis ujian-t tidak bersandar bagi menentukan perbezaan faktor tekanan mengikut jantina iaitu lelaki dan perempuan. Hasil dapatan mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan dalam faktor tekanan bagi pembelajaran di kelas [t=0.065, p>0.05 (0.948)], faktor tekanan bagi menghadapi kuiz/ujian/peperiksaan akhir [t=1.48, p>0.05(0.140)] dan faktor tekanan peribadi [t=0.716, p>0.05(0.474)]. Skor min pelajar lelaki adalah tidak berbeza dengan pelajar perempuan. Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan sama dalam faktor tekanan. Kenyataan ini turut disokong hasil kajian terdapat persamaan di antara jantina lelaki dan perempuan berhubung dengan tahap stress yang dialami Martocchio (1989).

Justeru itu, tahap tekanan perlu diukur dengan lebih mendalam daripada pelbagai faktor, yang bukan terhadap demografi jantina sahaja. Perkara-perkara yang perlu diberi penekanan

adalah seperti kesihatan pelajar, tahun pengajian pelajar, tahap kesukaran matapelajaran yang diambil oleh pelajar (Smith, 2002). Daripada dapatan kajian, dapat dirumuskan jantung tidak mempengaruhi dalam menentukan tahap tekanan seseorang pelajar. Kesannya jika pelajar berjaya mengharungi dan mengawal tekanan dengan baik akan dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan baik dan seterusnya keputusan peperiksaan pelajar akan terus meningkat.

Jadual 7: Faktor Tekanan Mengikut Jantina

| Faktor | Jantina | N | Min | SD | t | df | Sig |
|---------------------------------------------|-----------|-----|------|------|-------|-----|-------|
| Pembelajaran di kelas | lelaki | 177 | 2.47 | 0.91 | 0.065 | 254 | 0.948 |
| | perempuan | 79 | 2.46 | 0.79 | | | |
| Menghadapi kuiz / ujian / peperiksaan akhir | lelaki | 177 | 2.75 | 0.78 | -1.48 | 254 | 0.140 |
| | perempuan | 79 | 2.91 | 0.69 | | | |
| Peribadi | lelaki | 177 | 2.41 | 0.83 | 0.716 | 254 | 0.474 |
| | perempuan | 79 | 2.49 | 0.78 | | | |

PERBINCANGAN

Jadual 8 menunjukkan purata nilai min dan interpretasi jenis tekanan bagi faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas, tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas yang diberikan dan faktor pelajar dalam menghadapi masalah peribadi. Faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas memberikan nilai min sebanyak ($M=2.47$), faktor pelajar dalam menghadapi masalah peribadi dengan nilai min sebanyak ($M=2.44$), iaitu berada pada tahap jenis tekanan rendah. Faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas motivasi memberikan nilai min sebanyak ($M=2.80$), iaitu berada pada jenis tekanan yang tinggi.

Jadual 8: Purata Nilai Min Dan Interpretasi Jenis Tekanan

| Faktor | Nilai Min | Jenis Tekanan |
|---------------------------------------------------------------------------|-----------|---------------|
| Tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas | 2.47 | Rendah |
| Tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas | 2.80 | Tinggi |
| Tekanan pelajar dalam menghadapi masalah peribadi | 2.44 | Rendah |

Dapatan kajian bagi faktor tekanan pelajar dalam pembelajaran di kelas, item B1 iaitu keadaan dalam kelas yang tidak teratur telah mencatatkan nilai min tertinggi dalam sesi pembelajaran dan pengajaran di kelas. Dengan suasana kelas yang tidak tersusun, kurang bersih telah menyumbang kepada tekanan di kalangan pelajar semester 2 POLISAS. Item B6 iaitu tidak memahami pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah menyumbang kepada nilai skor min kedua tertinggi dalam pembelajaran mereka. Oleh itu wajar pensyarah mengambil inisiatif untuk membuat refleksi terhadap penyampaian pensyarah dalam pengajaran. Skor min yang terendah adalah item B6-hubungan dengan pensyarah mengajar kurang baik dengan skor 2.19. Dapat dirumuskan bahawa para pelajar POLISAS sangat rapat dan sentiasa berhubung dengan pensyarahnya apabila tidak memahami sesuatu yang diajar. Kebanyakan pensyarah POLISAS juga menjadi mentor kepada pelajar dalam menyelesaikan masalah peribadi.

Item C2- kurang keyakinan ketika menjawab soalan peperiksaan, kuiz, dan ujian telah memberikan nilai skor min yang tertinggi bagi faktor yang kedua. Permasalahan pelajar ini adalah berkemungkinan tidak pernah membuat latihan atau ulangkaji format soalan peperiksaan akhir. Segelintir pelajar yang sering menanggukkan membuat latihan yang diberikan oleh pensyarah. Item C3-tidak membuat persediaan yang cukup untuk menghadapi kuiz, ujian dan peperiksaan akhir telah memberikan nilai kedua skor min yang tinggi. Dua item ini saling berhubung di mana pelajar ini bila sering menangguk membuat latihan yang diberikan akan menyebabkan pelajar-pelajar ini kurang berkeyakinan untuk menjawab soalan kuiz, ujian dan juga peperiksaan akhir. Item tidak mendapat bantuan dari pensyarah dalam menyelesaikan tugas merupakan item C6, yang memberikan nilai skor min yang terendah. Di POLISAS, para pelajar sentiasa mendapat bimbingan dan tunjukajar daripada pensyarahnya. Pensyarah sentiasa memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk bertanyakan apa jua soalan yang tidak difahami samada secara fizikal atau atas talian.

Bagi item D5-menghadapi masalah menguruskan masa memberikan nilai skor min yang tertinggi manakala skor min yang kedua tertinggi adalah menghadapi masalah kewangan. Kebanyakan pelajar POLISAS tidak dapat menguruskan masa dengan baik dalam menyelesaikan tugas atau latihan yang diberikan. Kekangan dengan kuliah yang sentiasa padat dan kurangnya pendedahan dalam strategi menguruskan masa yang berkesan. Masalah kewangan juga menjadi tekanan kepada pelajar POLISAS, ini berikutan kebanyakannya mereka daripada pelbagai latar belakang dan sosio ekonomi. Peningkatan kos perbelanjaan di kampus, kebanyakan pelajar membuat keputusan bekerja sambil bagi menampung kos kehidupan di POLISAS amnya. Item D7-tidak mempunyai kemudahan pembelajaran seperti komputer telah memberikan nilai skor min yang paling rendah. Ini kerana kebanyakan pelajar POLISAS semuanya mempunyai gajet seperti telefon dan komputer riba untuk berhubung dan aktiviti pembelajaran. Justeru tahap tekanan bagi item ini adalah amat rendah.

SIMPULAN

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah dapat mengenalpasti faktor tekanan yang dominan dalam kalangan pelajar POLISAS, iaitu faktor tekanan pelajar dalam menghadapi kuiz, ujian, peperiksaan akhir dan tugas. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat memberi ruang dan kesedaran kepada semua pihak terutamanya keluarga, pegawai kaunseling, pensyarah dan pihak pengurusan POLISAS supaya lebih peka dalam isu tekanan pelajar ini. Kajian ini juga diharapkan dapat menyuntik pihak pengurusan POLISAS untuk lebih cakna dalam mengurangi masalah tekanan di kalangan pelajar. Kerjasama diperlukan daripada unit bimbingan dan kaunseling untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pelajar dalam mengurangi masalah tekanan ini. Semoga kajian ini juga dapat dijadikan panduan untuk penyelidik lain dalam mengetengahkan kajian terhadap tekanan di kalangan pelajar dari pelbagai faktor yang lebih luas.

DAFTAR PUSTAKA

- [1] Hamsan, H. H., Tan, P. M., & Selamat, J. H. (2010). Stres Dan Pencapaian Akademik Mahasiswa Pembangunan Manusia Di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar Bil*, 13, 57-72.
- [2] Hall, G. S. (1904). *Adolescence: In Psychology And Its Relation To Physiology Mantropology, Sociology, Sex. Crime, Religion, And Education (Vol. I & II)*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

- [3] Izzat Hazmir Ismaail (2017). Stress Dan Kesehatan. <https://kl.utm.my/Pendaftar/Files/2017/10/Stress-Dan-Kesehatan-Dr.-Izzat-Hazmir-Bin-Ismaail.Pdf> (Diakses Pada 27/6/2022)
- [4] Kementerian Kesehatan Malaysia (2011). Panduan Menangani Stres. https://www.moh.gov.my/moh/resources/penerbitan/rujukan/ncd/kesehatan%20Mental/6_Panduan_Menangani_Stres.Pdf (Diakses Pada 27/6/2022)
- [5] Kementerian Kesehatan Malaysia (2021). Inisiatif Perkhidmatan Kesehatan Mental Dan Sokongan Psikososial (MHPSS) KKM. <https://Covid-19.Moh.Gov.My/Semasa-Kkm/2021/06/Inisiatif-Perkhidmatan-Kesehatan-Mental-Dan-Sokongan-Psikososial-Mhpss-Kkm> (Diakses Pada 27/6/2022)
- [6] Krejcie, Robert V. Morgan, Daryle W. (1970), Determining Sample Size For Research Activities. Educational And Psychological Measurement.
- [7] Mahfar, M., Zaini, F., And Nordin, N. A. (2007). Analisis Faktor Penyebab Stres Di Kalangan Pelajar. Jurnal Kemanusiaan, 9.
- [8] Martocchio, J.J., & O'Leary, A.M (1989). Sex Differences In Occupational Stress: A Meta-Analytic Review. Journal Of Applied Psychology, 74(3), 495.
- [9] Mohamad Najid Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- [10] Mohd. Majid Konting (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- [11] Muhammad Mustakim Ramli (2019). Berita Harian. Kementerian Pendidikan Siasat Kes Pelajar Bunuh Diri. <https://www.bharian.com.my/Berita/Nasional/2019/08/600191/Kementerian-Pendidikan-Siasat-Kes-Pelajar-Bunuh-Diri> (Diakses Pada 27/6/2022).
- [12] Mustafa, M. Z., Suradin, A., Muhammad, S. S., Madar, A. R., & Razzaq, A. R. (2009). Kajian Stres Dalam Kalangan Pelajar Wanita Program Sarjana Muda Kejuruteraan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- [13] Noraida Mohd Saim, Siti Hawa Rosli, Haslin Idayu Amaruddin, Nurul Farraheeda Abdul Rahman (2018). Kajian Stres Dalam Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam (EC110) Uitm Cawangan Pahang. Conference: Konferensi Akademik (KONAKA) Uitm Pahang 2016. Volume: Chapter 56, Pp.366-367
- [14] Edi Shahril Kamal (2005). Tekanan Di Kalangan Pelajar Pengkhususan Ijazah Sarjana Muda Di Kuittho. Tesis. Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- [15] Shafizah Shafiai @ Shafil (2003). Punca Dan Tahap Tekanan Di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn: Kuittho, Batu Pahat. Tesis Sarjana (Tidak Diterbitkan).
- [16] Siti Azura Abu Hassan (1998). Kajian Terhadap Punca Dan Tahap Tekanan Berdasarkan Bidang Pengurusan Di Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Semester Tiga Kuittho, Batu Pahat. Tesis Sarjana (Tidak Diterbitkan).
- [17] Smith, A. B., Matthews, C.C.A., & Victoria Mcnamara, R. (2002). The Scale Of Occupational Stress: A Further Analysis Of The Impact Of Demographic Factors And Type Of Job.